

## Tenaga Buruh dan Upah dalam Islam

SURTAHMAN KASTIN HASSAN  
ABD GHAFAR ISMAIL

### ABSTRAK

*Buruh adalah pekerja dan Khalifah Allah s.w.t di muka bumi. Di samping berkhidmat untuk majikan, ia juga dianggap sebagai pekerja dan hamba kepada Allah s.w.t Islam melihat buruh sebagai pekerja dan bukannya hamba kepada manusia lain untuk menghasilkan pengeluaran, kerana penghambaan hanya dikhususkan untuk Allah s.w.t Upah dibayar dalam Islam merangkumi pertimbangan keperluan perbelanjaan setiap buruh. Pertimbangan ini tidak dihitung kira dalam penentuan upah ekonomi konvensional.*

### ABSTRACT

*The labourer is a worker and God vicegerent in this world. In spite of serving as a worker to employer, our role at the same time is to serve as slave of Allah. Islam treats labour as a worker and not as a slave to other people to produce output. Wages paid to workers should cover their basic requirements. This is not accounted for in conventional economics.*

### MUKADIMAH

Sistem ekonomi konvensional telah menanamkan semangat dan kefahaman yang berasaskan tanggapan dan ideologi berkenaan dengan buruh (manusia). Buruh dianggap sebagai salah satu faktor mobilisasi kepada pengeluaran dan sistem ekonomi yang turut mengakui tanggapan teori ini. Kelambakan manusia dianggap penyekat rezeki dan pendapatan yang mewah. Justeru seluruh manusia pun berlumba-lumba untuk merancang keluarga. Upah yang mewah di negara-negara maju di Barat juga telah mendorong pekerja untuk menuntut gaji yang berlebihan.

Ekonomi Islam adalah berlandaskan doktrin dan akidah yang kukuh berbeza daripada konsep ekonomi konvensional yang berpandukan akal semata-mata. Oleh sebab itu segala persoalan yang berkaitan dengan buruh dan manusia tidak semestinya dirujuk kepada konsep mereka, sebaliknya dengan melalui cara yang tersendiri dan berbeza daripada apa yang mereka tanggapi.

Kertas ini akan membincangkan pandangan Islam terhadap buruh, pengelasan buruh sebagai faktor pengeluaran, masalah lebihan buruh dan konsep upah.

#### MANUSIA SEBAGAI FAKTOR PENGELOUARAN

Kejadian manusia seperti yang dinyatakan oleh Allah S.W.T berasal daripada tanah (Surah al-Mu'minun 12: 23). Walaupun kejadian asalnya daripada tanah, namun manusia adalah makhluk yang paling mulia kerana ia adalah khalifah Allah di muka bumi. Firman Allah S.W.T bermaksud:

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. (Surah al-Baqarah 2:30)

Segala makhluk yang lain tunduk di bawah pemerintahan manusia, dan seluruh penciptaan alam ini adalah untuk keperluan manusia seperti yang dijelaskan dalam al-Quran, yang bermaksud:

Dialah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit. Dia Maha mengetahui segala sesuatu. (Surah al-Baqarah 2:29)

Malah kedudukan manusia itu sendiri ada kalanya lebih tinggi daripada malaikat. Ini terbukti hasil daripada beberapa peristiwa yang dirakamkan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran. Pertamanya, ketika Allah mencipta Nabi Adam a.s., seluruh malaikat diperintahkan sujud supaya hormat kepadanya, (sebagai mematuhi perintah Allah S.W.T ) firman Allah S.W.T bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali Iblis. (Surah al-Baqarah 2:34)

Keduanya, ketika peristiwa isra' dan mi'raj Nabi Muhammad s.a.w. di tingkat yang pertama, Jibrail sebagai ketua malaikat tidak sanggup lagi untuk mengiringi Rasulullah s.a.w untuk menghadap Allah.

Keterangan di atas menunjukkan bahawa manusia adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah S.W.T di muka bumi ini. Ia wajar mendapat kelebihan dan bebas daripada penghambaan kepada manusia lain. Oleh sebab itu ada penulis ekonomi Islam seperti Baqir al-Sadr (1968:396-7) telah mempersoalkan kedudukan buruh sebagai faktor pengeluaran, kerana buruh (termasuk organisasi) bukanlah harta yang boleh dimiliki. Begitu

juga dengan Abu Sulaiman, menurut beliau buruh bukan faktor pengeluaran kerana buruh diciptakan untuk memanfaatkan faktor pengeluaran. Dengan meletakkan buruh sebagai faktor pengeluaran manusia akan tunduk kepada manusia lain (1960: 16-17). Merendahkan taraf manusia Islam sebagai ‘khalifah’ kepada ‘alat’ pengeluaran adalah tidak mungkin.

Walau bagaimanapun terdapat juga sebahagian penulis ekonomi Islam lain tidak mengenepikan buruh sebagai faktor pengeluaran antaranya seperti Afzal al-Rahman (1974 I.161), Tahawi (1974 I.277), Najjar (1973 106), Mannan (1970: 126) dan Maududi (1969· 159).

#### MASALAH LEBIHAN PENDUDUK (BURUH)

Setiap manusia dipertanggungjawabkan supaya mengabdikan diri kepada Allah S.W.T iaitu dengan mentaati segala perintah-Nya, sama ada berupa suruhan maupun tegahan. Buruh ialah manusia yang menggunakan tenaga fizikal dan mentalnya untuk maksud yang disebutkan di atas, kerana perkerjaan juga adalah salah satu suruhan Allah S.W.T Kelahiran setiap manusia telahpun ditentukan rezekinya masing-masing, malah ia telahpun ditentukan sejak dalam kandungannya lagi. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Bahawasanya seseorang kamu dihimpunkan kejadiannya pada perut ibunya sebagai nutfah, kemudian menjadi ‘alaqah selama 40 hari, kemudian menjadi mudghah selama 40 hari pula, kemudian Allah S.W.T mengutuskan malaikat, maka ditüpkanlah ruh dan disuruh memberikan empat macam untuk dituliskan, rezekinya, ajalnya, amalnya dan nasib buruk serta nasib baiknya .... (Bukhari 1979, IV· 346)

Oleh itu, masalah lebihan penduduk dan pengangguran tidak harus wujud dalam istilah ekonomi Islam (lihat A.M. Jarisyah dan M.S. Azzaibaq, 1981 60-62) kerana setiap bayi yang dilahir telah ditentukan rezekinya masing-masing.

Kekhuatiran dari segi kekurangan makanan dan keperluan asas yang lain tidak harus timbul sebab sistem Islam berdasarkan kepada akidah yang mantap meyakini hanya Allah jugalah pemberi rezeki. Maksud firman Allah S.W.T..

Sesungguhnya Allah Dialah maha pemberi rezeki yang mempunyai kekuatan yang sangat kukuh. (Surah al-Zariyat 51:58)

Segala keperluan makhluk, walaupun sekecil-kecil ulat di bumi ini, Allah jugalah pemberi rezekinya. Firman Allah S.W.T maksudnya:

Dan tidak ada suatu binatang melatapun di bumi melainkan Allah yang memberi rezekinya ... (Surah Hud 11:6)

Justeru, masalah kelaparan akibat kepadatan penduduk tidak mungkin wujud, kerana semakin seseorang itu bertambah takwanya maka Allah akan melipatgandakan rezeki mereka, firman Allah S.W.T maksudnya:

Jika sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat daripada langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya. (Surah al-A'raf 7:96)

Daripada ayat tersebut juga menunjukkan bahawa azab Allah S.W.T yang datang dalam berbagai-bagai bentuk akan ditimpakan ke atas mereka kerana keangkuhan masing-masing. Kelaparan dan kekurangan makanan yang berlaku pada zaman kerajaan Firaun bukan disebabkan oleh faktor kepadatan penduduk tetapi kerana sebab-sebab yang disebutkan di atas. Firman Allah S.W.T yang maksudnya:

Dan seseungguhnya Kami telah menghukum (Firaun dan) kaumnya dengan (mendatangkan) musim kemarau yang panjang dan kekurangan buah-buahan supaya mereka mengambil pelajaran. (Surah al-A'raf. 7:130)

Walaupun rezeki telah ditetapkan, manusia tidak mengetahui setakat mana rezekinya itu. Oleh sebab itu, lahirnya kewajipan untuk berusaha. Firman Allah S.W.T yang maksudnya:

Dan bahwasanya seorang itu tidak memperolehi selain apa yang telah diusahakan. (Surah an-Najm 53.39)

Faisal M. Rahman (1977:39) mengatakan bahawa masalah penduduk di negara Islam boleh dilihat daripada dua segi – masalah kualiti dan masalah kuantiti. Dikatakan bahawa hampir kesemua negara Islam menghadapi masalah pertama – kurang berpelajaran – yang boleh menyebabkan daya pengeluaran yang rendah dan juga menjadi punca pengeksplotasian ekonomi dan politik oleh negara luar. Dari segi kuantiti, jika ia wujud, beberapa perkara perlu diubah pula supaya masalah ini dapat diminimumkan seperti: 1) Seseorang itu perlu bekerja lebih, sama ada dari segi masa mahupun tenaga, dan 2) Pertingkatkan daya pengeluaran, dari segi kemahiran dan teknologi; untuk mendapatkan pendapatan yang setanding dengan keadaan yang tidak mengalami lebihan penduduk.

Sistem Islam kalau ia diamalkan secara betul, sebarang masalah ekonomi tidak akan timbul, kerana Islam telah menyelesaikan masalah

sebelum masalah itu sendiri timbul. Setiap individu Islam sama ada dari kawasan tertentu, negeri atau kumpulan negara adalah bersaudara antara satu dengan yang lain – dan sebenarnya ia tidak boleh terpisah. Mereka perlu bergerak sebagai satu ummah. Oleh sebab itu pergerakan sumber ekonomi termasuk penduduk (buruh) seharusnya bebas antara satu negara Islam dengan yang lain. Wujudnya kaedah ini akan mengelakkan berlakunya lebih buruh di satu-satu kawasan atau negara. Mohamed Haitham Hourani (1977:53) menyebutkan kaedah ini sebagai “peruntukan semula sumber-sumber” Sumber petrol negara-negara Arab boleh dipindahkan ke negara-negara yang kekurangan sumber tersebut, manakala sumber tenaga manusia yang berlebihan di Bangladesh boleh dipindahkan ke negara-negara Arab – minyak yang nyata kekurangan sumber tenaga manusia.

Memindahkan sesuatu sumber ekonomi atau input pengeluaran dari suatu tempat yang mengalami daya pengeluaran yang rendah (yang terdapatnya lebih sumber), ke tempat lain yang berlaku kekurangan dalam sumber ekonomi tersebut untuk tujuan menghasilkan daya pengeluaran yang lebih tinggi, memang merupakan satu usaha agihan yang digalakkan dalam Islam. Untuk lebih umum lagi agihan ini tidak harus berlaku pada sumber tertentu seperti input buruh. Ia meliputi segala bentuk kesejateraan.

Keadaan ini banyak bergantung pada sejauh mana sesebuah negara itu mengamalkan sistem kenegaraan Islam. Tetapi hakikatnya setiap negara Islam yang wujud di dunia ini lebih bersifat individualistik, seperti mana juga yang berlaku di kalangan individu Islam dalam sesebuah masyarakat, kurang/tidak mengagihkan sumber/kesejahteraan yang ada untuk keperluan masyarakat umum – melalui konsep *sadaqah* yang lebih umum lagi. Keadaan ini telah membawa kepada wujudnya golongan yang terlalu kaya di satu pihak dan golongan termiskin di satu pihak yang lain.

Bagi kalangan ahli tasawuf, yang hidup secara sederhana bersesuaian dengan konsep ‘kecukupan dan memadai’, tidak memandang lebih buruh sebagai satu masalah. Hidup mereka yang lebih tertumpu kepada amal ibadat sangat mengharapkan agar ada orang yang sanggup mengambil alih tugas bekerja mencari rezeki/nafkah mengantikan tempatnya. Oleh itu, di kalangan ahli tasawuf lampau, misalnya Imam al-Ghazali (1983: 122) melihat lebih buruh sebagai jalan untuk merehatkan se-golongan ahli keluarga daripada bekerja supaya dapat beribadat lebih dan mencari ilmu serta mengamalkan ilmu yang ada dan bagi mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, tanggapan dan amalan yang seperti ini mengikut perspektif ekonomi adalah sesuatu yang merugikan, kerana setiap tenaga buruh yang ada perlu digunakan sebaik-baiknya bagi menghasilkan produk ekonomi.

## BURUH DAN UPAH

Afzal al-Rahman (1974: 182) menggariskan bahawa penawaran buruh ditentukan oleh tiga faktor: kecekapan buruh, mobiliti dan populasi.

Kecekapan buruh adalah berkait rapat dengan kesihatan fizikal, kesihatan mental, dan pelajaran/latihan. Kesihatan fizikal menjadikan badan bertambah cergas dan bertenaga untuk menjalankan sesuatu kerja yang diamanahkan. Buruh yang mengidap penyakit, tidak mungkin dapat bekerja dengan baik dan sempurna. Justeru, ia layak bercuti dan berehat. Begitu juga dengan kesihatan mental. Akal yang sihat dan waras lahir daripada suasana sekeliling yang sihat. Kebebasan untuk berfikir, berkreatif dan berinovasi menjadikan buruh itu lebih berasa selesa dan dihargai oleh majikannya. Tiada tekanan perasaan ini memberi sumbangan yang besar kepada kebolehan bekerja setiap buruh. Begitu juga pelajaran dan latihan menjadikan buruh berupaya untuk meningkatkan produktiviti kecekapan bekerja.

Mobiliti buruh berkait dengan kebolehan buruh itu untuk berpindah dari satu bidang kerja ke bidang kerja yang lain, sama ada dalam institusi yang sama atau berlainan. Kewujudan mobiliti buruh ini menjadikan penawarannya berubah dalam suatu masa dan tempat, iaitu boleh menjadi meningkat atau menurun.

Populasi memang jelas mempengaruhi penawaran buruh, kerana makin tinggi populasi semakin tinggilah tingkat penawaran buruh yang akan diperolehi.

Oleh sebab tenaga buruh melibatkan bilangan yang ramai, kerana sebab faktor kesejahteraan kaum buruh ini perlulah diutamakan sama ada dari segi upah, bebanan dan kemudahan. Penentuan upah boleh dilihat dari segi: 1) Kadar upah, 2) Nisbah upah, 3) Pelunasan upah.

### KADAR UPAH

Disebabkan wujudnya perbezaan dari segi kualiti buruh, sama ada dari segi fizikal (kekuatan, kerajinan dan ketekunan) ataupun mental (kemahiran, kecekapan dan pengalaman), Islam membenarkan wujudnya perbezaan kadar upah antara seseorang pekerja dengan pekerja yang lain. Firman Allah S.W.T yang maksudnya:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih daripada sebahagian yang lain ... (Surah al-Nisa' 4:32)

Kadar upah buruh mestilah setimpal dengan bidang kerja, dan sebolehnya melebih daripada kadar keperluan untuk menampung per-

belanjaan diri dan ahli keluarganya. Kesemua elemen-elemen ini perlu dipertimbangkan dalam penentuan upah. Firman Allah S.W.T yang mak-sudnya:

.... Jika mereka menyusukan (anak-anak) untukmu maka berikanlah kepada mereka upahnya dan musyawarahlah antara kamu dengan ma'ruf (baik). (Surah al-Talaq 65:6)

... Sesiaapa (antara pemeliharaan anak yatim itu) mampu, maka hendaklah ia menahan diri (daripada memakan harta anak yatim itu) dan sesiaapa yang miskin, maka bolehlah ia memakan harta itu sekadar yang patut (ma'ruf) .... (Surah al-Nisa' 4:6)

Di sini ditunjukkan betapa perlunya tingkat upah kepada buruh (penyusu) ini ditentukan secara adil dan tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Bagi penjaga/pemeliharaan anak yatim, upah bagi yang miskin ialah setakat yang ma'ruf sahaja. A. Muhamad al Assal dan F Ahmad Abdul Karim (1981:166) berpendapat istilah *ma'ruf* dalam ayat di atas adalah merujuk kepada keadaan yang mencukupi keperluan asas hidup dan sosial buruh tersebut.

Bagi buruh yang bekerja dengan majikan, kadar upahnya haruslah bebas daripada tingkat keuntungan majikan dan tidak pula mungkin menjadi kosong kalaupun majikan mengalami kerugian. Kadarnya mesti sentiasa positif – kerana itu perlunya penetapan tingkat upah minimum bagi buruh.

#### NISBAH UPAH

Untuk menjamin kesejahteraan rakyat, tingkat upah tidak seharusnya berada pada jurang yang terlalu jauh antara suatu golongan peringkat buruh dengan golongan peringkat yang lain. Ini bertujuan untuk mengelakkan wujudnya keadaan kesejahteraan buruh yang tidak seimbang. Sebagai contoh pada zaman Khalifah al-Rashidin (pada tahun 15 H), gaji minimum buruh kerajaan ialah 200 dirham dan maksimumnya 2000 dirham. Ini menunjukkan nisbah 1:10, ia tidak menunjukkan perbezaan yang jauh. Ketika hasil kerajaan meningkat kedua-dua golongan akan turut meningkat dan pernah masing-masing memperoleh 300 dirham dan 3000 dirham, nilai nisbahnya tetap 1:10 (Afzal al-Rahman 1975:254).

#### PERLUNASAN UPAH

Pembayaran upah buruh semestinya dijelaskan secepat mungkin mengikut keperluannya. Sama ada setiap hari, minggu atau sebagainya. Sekiranya wujud keadaan sehingga tiada kemudahan simpanan keperluan individu/keluarga dalam masa seminggu, maka pembayaran upah perlulah dijelas-

kan mengikut hari. Jika buruh itu adalah buruh sementara yang ditugaskan untuk menyelesaikan satu-satu pekerjaan tertentu, maka pembayaran upah mestilah dipercepatkan iaitu setelah tamat tempoh kontraknya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Berikan upah buruh itu selagi belum kering keringatnya. (H.R. Tabarani dalam Labib al Said 1406/1985, 83)

Menurut kebiasaananya upah itu dibayar setiap akhir bulan. Sesuai dengan hadith di atas, pembayaran upah perlu dijelaskan tepat pada tarikhnya, tanpa perlu ditangguh-tangguh lagi kerana ia akan mengecewakan buruh itu sendiri.

#### BEBANAN BURUH

Dari segi bebanan buruh, pihak majikan semestinya menjadikan buruh sebagai asas keharmonian dan perhubungan antara mereka. Islam amat mengambil berat tentang kehidupan pekerja. Kesejahteraan buruh dan majikan pada hakikatnya bergantung pada keadaan hubungan baik antara mereka.

Buruh tidak boleh dibebankan dengan kerja yang berlebihan yang ia sendiri tidak terpikul. Keupayaan dan kemampuan buruh adalah terhad. Sebagai manusia biasa dan makhluk yang mempunyai perasaan, tidak sewajarnya dibebani dengan kerja yang berlebihan sehingga mencederakan fizikal dan mentalnya atau perasaannya, sehingga boleh merugikan keseluruhan organisasi ekonomi tersebut. Sekiranya buruh tidak mampu untuk sesuatu kerja, maka majikan perlulah membantunya. Sabda Rasulullah s.a.w yang maksudnya:

.... Jika kamu bebanı mereka dengan pekerjaan yang terlampaui berat, maka hendaklah kamu membantunya. (Ibn Hajar 1959, 5-131-2)

Sesuai dengan semangat hadith ini, maka bantuan kerja kepada buruh harus meliputi bantuan peralatan mesin yang boleh meringankan tugas kerja buruh.

#### KEMUDAHAN

Antara kemudahan yang dimaksudkan meliputi kemudahan kesihatan, kediaman pengangkutan, percutian, kenaikan pangkat dan bantuan kewangan yang bukan upah dan sebagainya. Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang maksudnya:

Sesiapa yang bekerja dengan kami, sekiranya ia belum beristeri, maka ia akan

dibayar upah sehingga ia mampu beristeri, sekiranya ia belum mempunyai pembantu, maka ia akan dibayar upah sehingga ia mampu mendapatkan seorang pembantu, dan sekiranya ia belum mempunyai sebuah rumah, maka (melalui pembayaran upah) ia akan mampu memiliki sebuah rumah. (Abu Daud 1371 H/1952 M. 2:121)

Hadith tersebut menunjukkan tanggungjawab majikan terhadap pekerjanya. Dengan ini hubungan yang harmoni antara kedua-duanya akan teralin dan justeru, kesejahteraan pekerja dan kelangsungan kemajuan organisasi firma dapat berterusan dan terjamin. Pekerja akan berasa puas hati dan akan terus tekun memajukan perusahaan kerana kemajuan perusahaan dianggap sebahagian kemajuannya juga.

### KESIMPULAN

Dalam membincarakan masalah penduduk dan buruh, kita tidak semestinya menoleh kepada hasil penulisan ahli-ahli ekonomi moden Barat, sehingga kita terikut-ikut konsep dan amalan mereka. Walaupun ia merupakan satu perkara yang sukar kerana terpaksa membentuk tanggapan dan konsep yang tersendiri, namun rujukan daripada nas dan tulisan pemikir-pemikir Islam silam sudah memadai bagi kita untuk berfikir secara yang mungkin berbeza daripada apa yang ditanggapi oleh penulis Barat, terutama dalam hal yang berkaitan dengan status manusia dan soal-soal akidah.

Buruh dalam Islam tidak seperti robot sebagai alat atau hamba kepada manusia lain untuk menghasilkan pengeluaran sebagaimana yang ditanggap oleh ekonomi konvensional. Penentuan upah dalam Islam, walaupun ia bergantung pada kualitinya seperti aspek fizikal, kemahiran, latihan dan mentalnya, namun di sana ada pertimbangan lain iaitu aspek keperluan buruh tersebut bagi menampung perbelanjaan diri dan keluarganya. Pertimbangan ini tidak terdapat dalam ekonomi konvensional kerana aspek penentuan upah yang terpenting ialah permintaan dan penawaran buruh.

### RUJUKAN

- Abu Daud. 1371 H/1952 M. *Al-Musnad*. Kaherah: Mustafa al-Babī al-Halabī.  
Abu Sulaiman, Abdul Hamid Ahmad. 1960. *Economic Theory of Islam. The Philosophy and Contemporary Means*. Kaherah: Dar Misr lil Tiba'ah.  
Ahmad Muhammad al-Assal dan Fathi Ahmad Abdul Karim. 1981. *Sistem Ekonomi Islam: Prinsip-prinsip dan Tujuan-tujuannya*. Terjemahan oleh H. Abu Ahmad dan Anshori Umar Sitanggal. Singapura: Al-Haramain pte Ltd.

- Al-Bukhari. 1979. *Sahih Bukhari: The Translation of the Meaning of Sahih Al-Bukhari Arabic-English*. Jil. IV Lahore: Kazi Publications.
- Al-Ghazali. 1983. *Timbangan Amal. Menuju Kebahagian Akhirat*. Terjemahan oleh M. Ali Chasan Umar A. Chumaidi Umar. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Quran dan Terjemahannya*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Al Quran:
- Ali Muhammad Jarisyah dan Muhammad Syariaf Az-Zaibaq, 1981. *Problems Umat Islam*. Terjemahan oleh Jamaluddin Kafie: Singapura: al-Haramain Pte. Ltd.
- Al-Najjar, Ahmad. 1973. *Introduction to Economic Theory in the Framework of Islamic Methodology*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tahawī, Ibrāhīm. 1974. *Islamic Economics – A School of Thought and A System: A Comparative Study*. Jil. I Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyah.
- Baqīr al-Sadr, Muhammād. 1098. *Iqtisaduna*. Beirut: Dar al-fikr.
- Faisal M. Rahman, 1977. Population Problems and Policy Alternatives in Muslim Countries. Dalam *Outlines of Islamic Economics*. Proceedings of the First Symposium on the Economics of Islam in North America, Indiana. h. 37-48.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali al-Asqalani. 1959. *Fath al-Bari*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Labib al-Saīd. 1406 H/1985 M. *Pekerjaan dan kaum Buruh*, Shah Alam: Penerbitan Hizbī.
- Mannan, M.A. 1980. *Islamic Economics. Theory and Practice*. Lahore: Muhammad Asraf.
- Maududi, Sayyid Abdul A'la. 1969. *Economic of Islam*. Lahore: Islamic Publications.
- Mohammad H. Hourani, 1977. Population Problems in the Muslim World. Dalam *Outlines of Islamic Economics*. Proceedings of the First Symposium on the Economics of Islam in North America, Indiana. h. 52-56.

Fakulti Ekonomi  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor D.E.